

10/04/1998

MAS lancar penerbangan terus ke New York

KUALA LUMPUR, Khamis - Penerbangan Malaysia (MAS) hari ini melancarkan penerbangan terus dari Kuala Lumpur ke New York, menjadikannya destinasi ke-113 perkhidmatan syarikat penerbangan nasional itu ke seluruh dunia.

Destinasi terbaru di antara Malaysia dan Pantai Timur Amerika Syarikat itu turut menjadikannya sebagai pendaratan kedua MAS di negara itu, selepas Los Angeles.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata perkhidmatan ke New York itu akan menyediakan peluang lebih luas di antara kedua-dua negara untuk meningkatkan bidang perdagangan, pelaburan dan pelancongan.

Beliau berucap mewakili Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di majlis pelancaran itu.

Turut hadir Pengerusi MAS, Tan Sri Tajudin Ramli dan Duta Besar Amerika Syarikat di negara ini, John R Malott.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dijangka menaiki penerbangan sulung dari Kuala Lumpur pada 12 April ini bagi menghadiri mesyuarat Kumpulan Willard yang ditubuhkan di Amerika untuk membincangkan masalah kewangan Asia.

Anwar yang dijangka tiba pada pagi 13 April akan diiringi Malott. Penerbangan tiga kali seminggu itu akan menggunakan pesawat Boeing 777 Super Ranger dan akan singgah di Dubai.

Dr Ling berkata, kebenaran hak mendarat di New York itu adalah hasil daripada perjanjian 'langit terbuka' di antara Malaysia dan Amerika yang dijalinan pada Jun 1997.

"Perjanjian itu dimeterai dengan harapan untuk memaksimumkan potensi sebenar pertumbuhan penumpang dan laluan kargo di antara kedua-dua negara.

"Selain itu, perjanjian berkenaan juga menjadi lambang kepada hasrat Kerajaan Malaysia serta Amerika untuk membentuk kecekapan dan faedah bersama melalui perkhidmatan penerbangan antarabangsa," katanya.

Dr Ling turut menyentuh mengenai bidang aviasi di rantau Asia Pasifik yang menurutnya kini berdepan dengan pelbagai masalah, walaupun permintaan terhadapnya semakin meningkat berbanding rantau lain.

"Kegawatan ekonomi yang dihadapi oleh beberapa negara di rantau ini sudah pasti memberi kesan terhadap prospek pertumbuhan ekonomi," katanya.

(END)